NO. SOALAN : 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian memulihkan sistem pendidikan melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah yang tertinggal jadual pembelajaran selama tempoh pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan beberapa langkah memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) terus berjalan walaupun menghadapi cabaran wabak COVID-19.

KPM telah menyediakan kaedah pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR) mengikut kesesuaian guru dan murid. Manual Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah telah disediakan untuk membantu guru merancang dan melaksanakan proses PdP secara optimum apabila sekolah ditutup. Pembelajaran yang digariskan dalam Manual PdPR ini menggunakan pendekatan secara dalam talian, luar talian dan secara *off-site*. Sebagai usaha melindungi murid daripada tertinggal sesi pembelajaran, KPM melaksanakan pemantauan terhadap pelaksanaan sesi PdPR yang dijalankan oleh guru. Pemantauan ini dilihat dari segi pendekatan dan kaedah pengajaran yang digunakan serta bilangan murid yang mengikuti sesi PdPR tersebut.

Selain itu, KPM turut melaksanakan penjajaran kurikulum bagi semua mata pelajaran berdasarkan kurikulum sedia ada (KSSR dan KSSM) dengan menyusun semula kandungan, pedagogi dan pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan bagi memenuhi keperluan khusus mata pelajaran. Melalui kurikulum yang telah dijajarkan ini, guru boleh merancang PdP dengan melaksanakan kaedah pembelajaran teradun (*blended learning*). Pembelajaran teradun melibatkan penggabungan teknik pengajaran bersemuka di dalam bilik darjah atau pembelajaran di rumah yang dirancang secara berstruktur.

KPM juga telah meminda takwim persekolahan tahun 2020 dengan memaksimumkan tempoh hari persekolahan dan mengurangkan cuti akhir tahun. Ini dapat membantu guru-guru memperoleh tempoh yang mencukupi dalam menyampaikan semua kandungan kurikulum yang diajar kepada murid dan membolehkan murid mempunyai tempoh pembelajaran yang mencukupi.

KPM akan sentiasa berusaha untuk memastikan murid dapat terus mengikuti pembelajaran dengan pelbagai pendekatan, terutamanya dalam keadaan yang mencabar ini. Dalam hal ini, KPM amat menghargai peranan guru dan ibu bapa untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan baik.

Sekian, terima kasih.